

MINGGUAN MALAYSIA • AHAD 17 MAC 2019

Kutipan deposit SSPN RM1.13 billion

Oleh HARADIAN SHAH HAMDAN
pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 16 MAC

PINJAMAN Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mencatat kutipan deposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) tertinggi dalam sejarah pada tahun lalu iaitu sebanyak RM1.13 bilion.

Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan berkata, kutipan itu meningkat 55.61 peratus atau sebanyak RM404.48 juta berbanding tahun 2017.

"Pencapaian ini amat signifikan dan merupakan satu kejayaan besar dalam usaha PTPTN menggalakkan penabungan dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Selain itu, bilangan akaun baharu yang dibuka pada tahun lalu pula sebanyak 678,829 akaun. Ini juga pencapaian tertinggi dalam sejarah PTPTN sejak kewujudan produk SSPN pada tahun 2004," katanya dalam Program Satu Hati di Terminal One Seremban di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan Pengerusi Yayasan Budi yang juga Ketua Badan Pimpinan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Ber-satu) negeri, Tan Sri Dr. Rais Yatim.

Wan Saiful berkata, peningkatan itu disumbang oleh kemen- dan kerja keras kakitangan



WAN SAIFUL WAN JAN (tengah) merasmikan Program Jom Sambung Belajar 2019 di Kolej Vokasional, Arau, Perlis, semalam.

mempromosi SSPN selain insentif yang ditawarkan seperti pelepasan cukai.

"Kalau boleh satu hari nanti apabila ibu bapa dapat bayi, mereka pergi daftar surat beranak dan kemudian daftar untuk menabung dengan SSPN.

"Saya harap budaya ini ditanam dalam kalangan ibu bapa. Masuk sedikit dulu tak mengapa RM20, RM30 atau RM50 supaya ini jadi permulaan," ujarnya.

Katanya, sejak ditubuhkan 22 tahun lalu, PTPTN telah membantu seramai 3.02 juta pelajar melibatkan dana pinjaman berjumlah RM56 bilion termasuk RM2.4 bilion untuk membiayai 142,665 pelajar di Negeri Sem-

ilan.

Sementara itu, dalam satu majlis di Perlis, Wan Saiful berkata, PTPTN masih mempunyai dana mencukupi bagi menawarkan pinjaman kepada pemohon baharu yang bakal menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi tahun ini.

Namun, beliau menyeru kepada para peminjam supaya membayar hutang bagi memudahkan sumber berkenaan disalurkan pula kepada pemohon baharu.

Katanya, setiap tahun, pihaknya memperuntukkan sehingga RM3.5 bilion dengan keupayaan menawarkan pinjaman kepada hampir 190,000 pelajar.